



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN

25



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptgtrg@terengganu.gov.my

PTG.TR. G/05/1998/06/05 - (22)

Bertarikh : 12 Oktober 2021

Bersamaan: 05 Rabiulawal 1443

- SEBAGAIMANA SENARAI EDARAN -

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 5 / 2021

TANAH TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI DIMASUKKAN DALAM SENARAI PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA YANG BOLEH DIPROSES DAN DIBERI PERTIMBANGAN BERDASARKAN PENURUNAN KUASA YANG DIBERIKAN DALAM DASAR TANAH NEGERI TAHUN 2013

1. TUJUAN


Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan bahawa permohonan tanah kerajaan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang diterima oleh Pentadbir Tanah bagi tujuan tapak Menara Telekomukasi boleh diproses dan diberi pertimbangan berdasarkan penurunan kuasa diberikan sebagaimana ketetapan dalam Dasar Tanah Negeri Tahun 2013.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 yang telah dipersetujui digunakan melalui Keputusan Mesyuarat MMKN Kali Ke-17 tahun 2013 bertarikh 05 Jun 2013 memperuntukkan permohonan tanah kerajaan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) menurut Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965 hanya dibenarkan untuk tujuan berikut:

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful 
Terengganu
Malaysia

- (a) Tanaman kontan (seperti tembakau, jagung, tembikai, keledek dan lain)
 - (b) Ekspo/karnival jualan
 - (c) Tapak hiburan
 - (d) Papan iklan
 - (e) Rumah kongsi/betau
 - (f) Bangsal kereta (garaj)
 - (g) Stor simpanan jentera
 - (h) Gerai tepi jalan (street stall)
 - (i) Tempat simpanan bahan batuan (stock pile)
 - (j) Pejabat tapak (site office)
 - (k) Tempat menjemur ikan (ran ikan)
 - (l) Jeti pendaratan ikan
 - (m) Pasar minggu
 - (n) Pekan sehari
 - (o) Akuakultur (ternakan ikan)
 - (p) Tapak pengambilan pasir dalam sungai
 - (q) Sangkar ikan dalam sungai/tasik/laut
- 2.2. Kesemua permohonan LPS tersebut hendaklah mendapat ulasan/pandangan jabatan teknikal dan seterusnya mendapat sokongan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) terlebih dahulu sebelum ianya diluluskan berdasarkan penurunan kuasa yang diberikan sebagaimana ketetapan berikut:
- i) Pentadbir Tanah - Bagi keluasan tanah tidak melebihi 1 hektar (≤ 1 hektar)
 - ii) Pengarah Tanah dan Galian - Bagi keluasan tanah melebihi 1 hektar sehingga 4 hektar (> 1 hektar sehingga 4 hektar)
 - iii) Pihak Berkuasa Negeri - Bagi keluasan tanah melebihi 4 hektar (> 4 hektar)

2.3. Tanah yang diluluskan LPS **tidak dibenarkan** memohon untuk mendapatkan hakmilik kekal. Sekiranya tujuan permohonan LPS **selain daripada yang tersenarai** di Para 2.1 di atas maka kaedah pemprosesannya **tidak tertakluk** kepada penurunan kuasa yang diberikan sebaliknya hendaklah diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Kaedah pemprosesan permohonan LPS juga turut diperincikan lagi melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil.7/2020 bertarikh 22 Julai 2020.

3. ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN :

- 3.1. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dalam usaha untuk meningkatkan jalur lebar di Negeri Terengganu dengan menambahbaik dan meluaskan liputan rangkaian melalui pembangunan infrastruktur digital negara iaitu pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
- 3.2. Pelan JENDELA ini telah dirangka dengan tujuan untuk mempercepatkan usaha dalam penyediaan infrastruktur digital negara secara menyeluruh sama ada di bandar, luar bandar atau pun kawasan pedalaman. Pelan JENDELA yang dihasilkan ini merupakan satu pelan bagi memenuhi Aspirasi Nasional dalam usaha memperluaskan liputan serta mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar melalui pelbagai inisiatif yang telah dikenal pasti di samping mempersiapkan negara bagi peralihan kepada teknologi 5G.
- 3.3. Untuk Negeri Terengganu, kerja-kerja pembinaan menara dan penyediaan rangkaian gentian optik di bawah pelan tersebut iaitu program National Fiber Connectivity Plan (NFCP) dilaksanakan secara berfasa. NFCP Fasa 1 telah pun bermula pada tahun 2019 dan dijangka siap pada Suku Pertama tahun 2021 dengan melibatkan 13 lokasi. Sementara itu, kerja-kerja pembinaan menara dan penyediaan rangkaian gentian optik bagi NFCP Fasa 2 dijangka bermula pada tahun 2020 dan akan disiapkan pada Suku Keempat tahun 2021 dengan melibatkan 34 lokasi. Jumlah keseluruhan lokasi yang terlibat bagi NFCP Fasa 1 dan Fasa 2 adalah sebanyak 47 di seluruh negeri Terengganu.

- 3.4. Walau bagaimanapun, pembinaan menara ini telah **mengalami kelewatan** kerana berdepan masalah dalam proses pelaksanaan iaitu dari segi kelewatan kelulusan permohonan tanah dan kebenaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penyediaan infrastruktur telekomunikasi.
- 3.5. Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Terengganu yang diadakan pada 29 Ogos 2021 **bersetuju** Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat (BPTM) untuk menyelaras permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi pembinaan menara telekomunikasi. Justeru itu, mesyuarat penyelarasan yang diadakan pada 01 September 2021 di antara BPTM bersama Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu (PTG), Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Terengganu, SUK (Bahagian Kerajaan Tempatan), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Syarikat Terengganu Telecommunications Sdn Bhd (TCOMM) telah bersetuju pihak PTG diminta untuk menyediakan Kertas Cadangan bagi mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) supaya dibuat penambahan dalam senarai bagi Permohonan LPS di Para 2.1 di atas.
- 3.6. MMKN melalui Keputusan Mesyuarat Kertas Bil.1072/2021 (Agenda 45) bertarikh 29 September 2021 telah **bersetuju** seperti berikut:-

 - 3.6.1. Tanah bagi tujuan tapak Menara Telekomunikasi dimasukkan dalam senarai sedia ada dalam Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 **yang dibenarkan** untuk dimohon secara Lesen Pendudukan Sementara menurut Seksyen 65 Kanun Tanah Negara.
 - 3.6.2. Semua permohonan Lesen Pendudukan Sementara untuk tapak Menara Telekomunikasi hendaklah **diproses** dan **diberi pertimbangan** berdasarkan penurunan kuasa diberikan sebagaimana ketetapan dalam Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 serta Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil.7/2020 bertarikh 22 Julai 2020.

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah digunakan di seluruh Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Terengganu berkuatkuasa daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINAL ABIDIN BIN MOHAMED)

Pengarah Tanah dan Galian,

Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat

Setiausaha Kerajaan Negeri

TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,

(Pembangunan)

TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran)

TERENGGANU

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran dan Hakmilik)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pelupusan Tanah / Galian)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hasil)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Penguatkuasaan dan Teknikal)

TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
TERENGGANU

Fail PTG.TR.00/12/2019/05/01 (S)

 09-6276334

 azlan_mohamad@terengganu.gov.my

ARAHAN PTG BIL.4 TAHUN 2021 pendrive) - 12/10/2021

SENARAI EDARAN

Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu

Pentadbir Tanah
Kemaman

Pentadbir Tanah
Dungun

Pentadbir Tanah
Besut

Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

Pentadbir Tanah
Marang

Pentadbir Tanah
Setiu

Pentadbir Tanah
Kuala Nerus